Bil. 5/2021 | Mei | www.library.uitm.edu.my
ISSN : 2735-1920

# IQRA'

Universiti Teknologi MARA
Perpustakaan Tun Abdul Razak
اقْرَأْ

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

uitmlibrary | libraryuitm | libraryuitm | library.uitm.edu.my




LIVE HD Tazkirah Ramadhan : Andainya Ini Ramadhan Terakhir UiTM Cawangan S. Alam m/s 6
LIVE HD Perlembagaan Persekutuan Dan Rukun Negara UiTM Cawangan Shah Alam m/s 7
LIVE HD Nasib Si Penyu Di Pantai Ganu UiTM Cawangan Terengganu m/s 13
Majlis Khatam Al-Quran dan Bacaan Surah Al-Mulk UiTM Cawangan Sarawak m/s 26
Sesi Chat Time PTAR 2021 bersama Penolong Rektor UiTM Cawangan Negeri Sembilan m/s 15

Hak Cipta Terpelihara PTAR

# *WORLD #QURANHOUR*: MISI AL-MULK
## 6 MEI 2021

*Pada 6 Mei 2021 (Khamis), Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang iaitu Perpustakaan Tun Abdul Razak Kampus Raub dan Perpustakaan Al-Bukhari Kampus Jengka telah menganjurkan program World #QuranHour berdurasi selama 1 jam dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dan Pewani UiTM Pahang. Program ini dianjurkan bagi menyokong program World #QuranHour 1 jam bersama Al-Quran yang diadakan serentak diseluruh Malaysia serta selaras dengan SDG 4 (Quality Education) dan SDG 17 (Partnerships to Achieve the Goal).*

*Seramai 65 orang peserta yang hadir secara fizikal di Perpustakaan Al-Bukhari Kampus Jengka dan seramai 32 orang peserta yang turut serta secara maya iaitu terdiri daripada kalangan pelajar dan staf UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka dan Raub. Di samping itu, perkongsian khas diterima daripada Puan Siti Norma Aisyah bt Malkan@Molkan iaitu Pensyarah dan Koordinator ACIS di UiTM Cawangan Pahang Kampus Raub. Beliau berkongsikan ringkasan serta kelebihan membaca Surah Al-Mulk sejajar dengan program World #QuranHour yang diadakan ini.*



